



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM PRIHATIN RAMADAN MENYANTUNI 1,100 ASNAF WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Kerjasama strategik antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Media Prima Berhad melalui Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyantuni 1,100 golongan asnaf Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebanyak RM300,000 diperuntukkan kepada 2,000 asnaf melibatkan seramai 1,100 penerima di Kuala Lumpur, 500 penerima di Labuan dan 400 penerima di Putrajaya. Kumpulan Media Prima turut memberikan sumbangan kepada para asnaf melalui sumbangan orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP sebagai tambahan wang tunai dalam Program Prihatin Ramadan tahun ini. Manakala Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) pula menyediakan sumbangan berupa bakul makanan bernilai RM50 seunit. KWP dan agensi, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Media Prima Berhad merupakan rakan strategik program Prihatin Ramadan pada tahun ini..

Program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan merupakan program tahunan KWP dan kesinambungan dari program Nur Ramadan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meringankan beban perbelanjaan golongan asnaf melalui pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan dalam mengimarahkan amalan bersedekah di bulan Ramadan. Keprihatinan Kerajaan untuk membantu golongan kurang berkemampuan yang terkesan akibat pandemik Covid-19 terus menjadi keutamaan Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi pelbagai kemudahan dan insentif.

Dengan mengangkat tema 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' ia jelas melambangkan keprihatinan dan kecaknaan Kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan yang terus komited dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, baik dari aspek ekonomi, sosial dan kerohanian.

Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
5 Mei 2021